

29 MAY 2003

ALI-BAJET

MELAKA AKAN TERUS BENTANG BAJET BERIMBANG PADA TAHUN DEPAN

MELAKA, 29 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri akan meneruskan pembentangan Bajet Berimbang untuk tahun 2004, iaitu memastikan perbelanjaan mengurus adalah seimbang dengan hasil yang dijangka dikutip tahun berkenaan.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, setakat ini pelaksanaan Bajet Berimbang yang pertama kali dibuat bagi tahun 2003 dijalankan mengikut apa yang telah ditetapkan.

"Kita masih meneruskan perbelanjaan dengan berhemat dan berhati-hati untuk tahun ini. Pada tahun ini masih belum ada lagi peruntukan tambahan yang dibawa oleh kerajaan negeri pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang telah berlansung sehingga kini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Dialog Belanjawan 2004 bagi Kerajaan Melaka di sini, hari ini.

Dialog itu dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan agensinya, wakil daripada dewan-dewan perniagaan, sektor swasta dan usahawan dari seluruh Melaka.

Dialog itu turut mendapat penerangan mengenai perkembangan terkini ekonomi negara daripada Timbalan Ketua Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Datuk Halipah Esa dan Setiausaha Bahagian Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Kewangan Datin Aida Boey Abdullah.

Pada tahun lepas, Mohd Ali membentangkan Bajet Berimbang bagi tahun 2003 pada persidangan DUN pada 19 November 2002 yang mana anggaran hasil kerajaan negeri untuk tahun 2003 sebanyak RM177.8 juta manakala anggaran mengurus juga RM177.8 juta.

Beliau berkata untuk memastikan bajet berkenaan dapat dilaksanakan mengikut apa yang telah ditetapkan, kerajaan negeri meminta sektor swasta turut sama memainkan peranan dalam menjana perkembangan ekonomi negeri.

Selain daripada itu, katanya, kerajaan negeri akan menggunakan sepenuhnya kemudahan dan peruntukan dalam agensi-agensinya untuk membantu dalam projek-projek pembangunan di Melaka.

Beliau berkata sektor awam juga diminta meningkatkan lagi produktiviti mereka selain daripada mengurangkan kerenah birokrasi dalam menguruskan sesuatu tugas bagi mempercepatkan setiap pelaksanaan sesuatu projek yang dirancang.

Menurutnya bajet 2004 turut mengambilkira untuk menangani persekitaran luar yang tidak stabil dan memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi negeri berterusan.

Mohd Ali berkata pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 21 Mei lepas, adalah untuk menjana aktiviti ekonomi negara melalui pengemblengan sumber dalam negeri di samping mengurangkan pergantungan kepada sektor luar.

Oleh itu, katanya, kerajaan negeri turut memberi tumpuan utama kepada tiga sektor iaitu perindustrian, perkhidmatan dan pertanian, di samping menggalakkan lebih banyak lagi pertumbuhan sektor-sektor baru yang mampu menjana ekonomi negeri. -- BERNAMA

SBS OS